Bank Pilihan Anda

SIARAN MEDIA

GANGGUAN AKSES LAMAN WEB KORPORAT BANK RAKYAT

KUALA LUMPUR, 7 November 2026 – Bank Rakyat menegaskan bahawa gangguan akses yang sedang berlaku hanya menjejaskan laman web korporat Bank berkenaan dan berpunca daripada isu teknikal pada sistem penyedia perkhidmatan pihak ketiga.

Justeru, kami memberi jaminan bahawa sistem serta operasi perbankan Bank Rakyat terus beroperasi seperti biasa, manakala data peribadi, maklumat perbankan serta simpanan pelanggan kekal selamat dan tidak terjejas.

Sementara pemulihan akses laman web korporat sedang dilaksanakan, pelanggan boleh terus menjalankan urusan perbankan seperti biasa melalui saluran alternatif berikut:

- Laman web iRakyat: https://irakyat.com.my
- Aplikasi mudah alih iRakyat
- BRICK
- QR2E
- i-bizRAKYAT

Kami memohon maaf atas kesulitan yang dialami dan menghargai kesabaran anda. Sebarang perkembangan lanjut berhubung perkara ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Keselamatan dan kepentingan pelanggan sentiasa menjadi keutamaan Bank Rakyat.

– TAMAT –